

Wajib suntikan keputusan bijak tingkat kesihatan

Dari Kaca Mata



**Dr Mohd Feizel Alsiddiq
Mohd Fakharuddin**

Pakar Pediatrik dan Neurologi Pusat Perubatan Prince Court & Pensyarah Kehormat Jabatan Pediatrik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia

Engamal perubatan yang sebelum ini memperjuangkan hak mendapatkan rawatan kesihatan untuk semua dengan pemberian vaksin pneumokokal menerusi Program Imunisasi Kebangsaan (NIP), kini boleh menarik nafas lega.

Perjuangan dilaungkan sejak sekian lama itu akhirnya didengari, dengan kerajaan baru-baru ini membuat keputusan mewajibkan suntikan berkenaan kepada kanak-kanak berusia bawah dua tahun.

Peruntukan tambahan untuk tujuan itu akan dibentangkan pada Bajet 2019 tidak lama lagi. Suntikan vaksin pneumokokal hanya pilihan, hanya yang berkemampuan mengambilnya sebagai perlindungan tambahan kepada anak masing-masing.

Pengambilan vaksin bertujuan mengelak jangkitan penyakit bahaya antaranya pneumonia (jangkitan paru-paru), jangkitan darah (sapticaemia) serta kegagalan fungsi otak atau meningitis. Semua jangkitan ini jika lambat dirawat boleh membawa maut atau kecacatan kekal.

Kesihatan untuk semua

Pelaksanaan bertepatan slogan kesihatan untuk semua, kanak-kanak daripada pelbagai latar belakang sosial berpeluang menikmati perkhidmatan rawatan terbaik percuma. Ini memandangkan vaksin sebagai satu keperluan melindungi anak daripada jangkitan.

Hak mereka mendapatkan rawatan itu sepatutnya sudah dilaksanakan lebih awal, mungkin lima atau 10 tahun lalu kerana vaksin pneumokokal ini sudah diperkenalkan hampir 20 tahun lalu. Namun, disebabkan faktor kewangan, kerajaan terpaksa menangguhan hasrat itu.

Sebagai pengamal perubatan, kami gembira dan bersyukur kerana inisiatif kerajaan memberi peluang semua pihak menikmati kemudahan kesihatan terbaik. Secara tidak langsung, penyediaan perkhidmatan kesihatan terbaik ini sebahagian daripada usaha kerajaan berkongsi hasil kekayaan negara untuk dinikmati bersama.

Vaksin percuma

Vaksin ini bakal diberikan percuma di semua klinik dan hospital kerajaan, pemberian itu secara tidak langsung menstabilkan harga bekalan di pasaran terbuka.

Pada masa sama, ia memberi pilihan ibu bapa yang selesa mendapatkan perkhidmatan di klinik maupun hospital swasta mengambil vaksin berkenaan untuk anak mereka pada harga lebih murah, berbanding RM250 untuk sekali suntikan.

Saya ada menyarankan kepada ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah kesihatan mendapatkan suntikan vaksin pneumokokal sebagai perlindungan tambahan mengelak jangkitan, selain meningkatkan sistem imun badan. Lazimnya kanak-kanak yang mempunyai masalah sistem pernafasan, terutama asma antara individu digalakkan mengambil vaksin pneumokokal.

Kini dengan ada keistimewaan itu, ibu bapa sepatutnya lebih terbuka, bersedia membenarkan anak mereka mendapat suntikan.

Tidak dinafikan dalam usaha kerajaan proaktif menawarkan perkhidmatan kesihatan terbaik, ada segelintir pihak mengambil kesempatan menyebarkan maklumat tidak tepat hingga menimbulkan rasa kurang senang sesetengah pihak yang lebih terbuka serta patuh bagi setiap prosedur pemberian vaksin seperti disarankan pakar.



Lazimnya kanak-kanak yang mempunyai masalah sistem pernafasan, terutama asma antara individu yang digalakkan mengambil vaksin pneumokokal”